

MAHATHIR

1977

KUALA LUMPUR, 24 JAN. (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA ADALAH PERLU DIUJUDKAN PERASAAN PERSEFAHAMAN DI KALANGAN GURU SEMUA LAPISAN BAGI MENCAPAI MATLAMAT PROFESYEN PERGURUAN YANG MURNI.

KATANYA, MEREKA HENDAKLAH MENGENEPIKAN KEPENTINGAN KUMPULAN DAN KEPENTINGAN DIRI SENDIRI DEMI KEBAIKAN DAN KEMENAFATAN PROFESYEN ITU.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA DEMIKIAN DALAM UCAPANNYA YANG DISAMPAIKAN OLEH TIMBALANNYA ENCIK CHAN SIANG SUN DI UPACARA PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN KEPADA AHLI-AHLI JAWATAN-KUASA HARI GURU PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN LALU DI SINI HARI INI.

DR. MAHATHIR BERKATA ADALAH MENJADI KEWAJIPAN SETIAP PEMIMPIN GURU MENENTUKAN MEREKA MEMIMPIN KE ARAH YANG DAPAT MENUNJUKKAN SUATU CARA KEPIMPINAN, SUATU CARA BERFIKIR YANG LIBERAL DAN TIDAK TERPENGARUH DENGAN DESAKAN-DESAKAN YANG SUMEANG DAN MENYELEWENG DARI TATASUSILA PROFESYEN PERGURUAN.

MEREKA HENDAKLAH BERSIKAP SEDIA BERKHIDMAT DAN RELA BERKORBAN UNTUK PROFESYEN, BANGSA DAN NEGARA MEREKA, KATANYA. -- BERSAMBUNG 1144/LK

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+SAYA MERASA BANGGA KERANA TELAH ADA KESEDARAN YANG MENDALAM DI DALAM DIRI GURU SENDIRI BAHAWA TIADA GUNANYA BERCAKARAN SESAMA SENDIRI SEKIRANYA PERKARA YANG DIPERBALAHKAN ITU TIADA MEMBERI APA-APA FAEDAH KEPADA SEMUA PIHAK.+

MENGENAI PENURUHAN JAWATANKUASA KEBANGSAAN SAMPUTAN HARI GURU YANG TELAH DIJALANKAN SEJAK 1972, DR. MAHATHIR BERKATA JAWATAN-KUASA SEPERTI ITU MERUPAKAN SALAH SATU CARA YANG SESUAI UNTUK DIADAKAN MESYUARAT DEMI MENYELESAIKAN SEBARANG MASALAH YANG TIMBUL DENGAN PENUH SEMANGAT PERSEFAHAMAN DAN TOLAK ANSUR.

+SAYA BERHARAP PERPADUAN SEUMPAMA INI DAPAT DITERUSKAN UNTUK MENJAMIN KEUPAYAAN SERTA KEWIRAWAAN PEMIMPIN DISAMPING MEMBERIKAN PIMPINAN TERHADAP GURU DAN BIMBINGAN KEPADA ANAK-ANAK MUDA DI SEKOLAH.+

DR. MAHATHIR JUGA MENYERU PARA GURU MEMIKIRKAN LEBIH SERIOUS TENTANG PENGARUH BURUK DARI LUAR TERHADAP ANAK-ANAK MUDA YANG PADA HARI INI TELAH +MENGGONCANG KEMURNIAAN BANGSA DAN NEGARA KITA+.

PARA GURU HENDAKLAH MEMBERI BANTUAN KEPADA MEREKA MELALUI APA-APA CARA AGAR MEREKA DAPAT MENJADI WARGANEGARA YANG BERTANGGUNG -JAWAB DAN DAPAT MENGAMBIL TEMPAT PEMIMPIN SEKARANG DEMI MENJAMIN JENERASI AKAN DATANG. -- BERNAMA 1149/LK